



Berita Harian - Saham Kewangan Jejas Bursa

🕒 Selasa, Ogs 01 2017



Saham kewangan jejas bursa



➔ Aktiviti
ambil untung
heret turun
FBM KLCI
7.05 mata

Bursa Malaysia ditutup rendah semalam, disebabkan oleh kerugian dalam saham kewangan serta pengambilan untung dalam pasaran yang lebih luas selepas kenaikan baru-baru ini, kata peniaga.

Pada jam 5 petang, penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) berakhir pada paras rendah harian 1,760.03, turun 7.05 mata atau 0.4 peratus, dari penutup Jumaat pada 1,767.08.

FBM KLCI terlebih dulu dibuka 0.82 mata lebih tinggi pada 1,767.9.

Terdahulu, indeks utama menyentuh paras tertinggi harian sebanyak 1,768.10.

Kaunter kewangan, Maybank

dan Hong Leong masing-masing turun 10 sen kepada RM9.54 kepada RM15.70, Public Bank susut 26 sen kepada RM20.28, CIMB turun sembilan sen kepada RM6.55 dan RHB Bank susut tiga sen kepada RM5.

Seorang peniaga berkata pasaran mengalami tindak balas sementara terhadap pengumuman Pengerusi Bukan Eksekutif Public Bank Bhd, Tan Sri Dr Hong Hong akan melepaskan jawatannya pada 1 Januari 2019.

Dagangan meningkat kepada 1.94 bilion unit

Di pasaran yang lebih luas, kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 585 berbanding 309, dengan 347 kaunter tidak ber-

ubah. 586 tidak diniagakan dan 53 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 1.94 bilion unit bernilai RM2.58 bilion daripada 1.64 bilion unit bernilai RM2.20 bilion pada hari Jumaat.

Dalam kalangan saham berwaran tinggi, Maxis naik tiga sen kepada RM5.65, Petronas Chemicals tidak berubah pada RM6.95 dan TNB turun empat sen kepada RM14.12.

Antara kaunter aktif, Key Alliance turun setengah sen kepada tiga sen, Kronologi Asia naik 9.5 sen kepada 80.5 sen, AT Systematization tidak berubah pada 4.0 sen, Glotec susut satu sen kepada 5.5 sen dan LCI turun RM1.43 kepada RM4.70.

BERNAMA

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**